

UNTUK SIARAN SEGERA

Panggilan Usul Festival George Town 2021

Kembali sebagai festival hibrid, sambutan kali ini lebih menyeluruh, selamat dan menarik.

George Town, Pulau Pinang, Malaysia, 6 Oktober 2020: Festival George Town (GTF) yang akan kembali tahun depan menyambut ulang tahun ke-12, direka semula dan diuruskan secara hibrid dengan menyepadukan hiburan dalam bentuk tradisional dan elemen-elemen maya moden. Diharapkan gabungan program-program jenis fizikal dan maya yang memikat hati pengunjung dapat memberikan pengalaman yang unik dan berlainan berbanding dengan GTF sebelum ini kepada warga-warga tempatan semasa menyambut tempat kelahiran mereka sebagai warisan kebudayaan dan pengunjung pula, satu cara baharu untuk menemui keindahan George Town.

Dijadualkan jatuh pada 10 hingga 18 Julai 2021, GTF tekad memastikan seni menjadi mudah diakses umum, dari pengunjung festival ke komuniti-komuniti kesenian dan orang awam tanpa mengira umur, etnik atau latar belakang mereka, sementara semua menjalani kebiasaan baharu.

Kegiatan jenis fizikal tradisional yang akan dipersembahkan di beberapa tapak sekitar George Town dan kawasan jiran tetangga serta daerah-daerah yang kurang dikenali sebelum ini dalam Pulau Pinang akan merangkumi pelbagai tema demi mewujudkan suasana sambutan universal untuk semua. Program-program ini akan diadakan di kawasan terbuka, tempat tersembunyi atau tapak unik. Pada masa sama, bagi mereka yang tidak berkesempatan untuk menyertai GTF akibat larangan pergerakan dan demi menggalakkan penyertaan secara menyeluruh termasuk kumpulan rentan, pelbagai program akan dianjurkan juga secara dalam talian.

Sementara banyak usaha dan pelan dicurahkan untuk memastikan GTF kali ini berjalan lancar, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menggesa supaya langkah-langkah kesihatan dan keselamatan sentiasa dipatuhi ketat. Semua langkah dalam panduan kebersihan dan keselamatan kerajaan akan dijalankan demi memastikan keselamatan pengunjung dan artis-artis.

Panggilan Usul

Sejak tahun 2010, George Town dilihat sebagai tempat seni major yang tidak boleh diabaikan dalam kawasan serantau dengan membekalkan platform bersifat antarabangsa kepada artis-artis tempatan dan antarabangsa untuk mempersembahkan hasil-hasil mereka yang menakjubkan dalam bidang seni, budaya dan warisan. Festival tersebut masih bulat hati untuk menjayakan aktiviti ini dalam tahun 2021. Sehubungan itu, GTF kini mula menerima usul daripada bakat-bakat sama ada tempatan atau antarabangsa yang bersungguh-sungguh ingin menyampaikan ekspresi kesenian dan hiburan berkualiti tinggi. Pemilik-pemilik tempat juga digalakkan untuk berbincang dengan pihak penganjur supaya membekalkan tempat bagi program-program fizikal.

Peserta yang berminat terhadap Festival ini dialu-alukan untuk menghantar usul ke <http://bit.ly/GTF2021> sebelum 15hb. November 2020.

Untuk maklumat lanjut, layari www.georgetownfestival.com atau halaman Facebook Festival George Town (George Town Festival) dan Instagram ([georgetownfestival](https://www.instagram.com/georgetownfestival)).

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Cik Ng Kim Theng

Eksekutif Perhubungan Awam

Festival George Town

+6012 682 8549

kimtheng@georgetownfestival.com

-TAMAT-

Tentang Festival George Town

Festival George Town (GTF) merupakan acara tahunan di Pulau Pinang sempena sambutan bandar tersebut diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2008. GTF kini menjadi festival global yang dinanti-nantikan oleh orang ramai. International New York Times mengulasnya sebagai "festival yang menjadi sambutan kesenian major di negara-negara Asia", manakala CNN Travel mengiktirafnya sebagai "festival besar di Pulau Pinang yang menyepadukan program-program yang terbaik". The Guardian, surat khabar British pula menyebutnya sebagai "salah satu sambutan budaya, warisan dan komuniti yang paling menarik di Asia Tenggara". Acara tahunan GTF ini merupakan projek George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), dianjurkan oleh TLM Event, diendors oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan disokong penuh oleh EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang (PETACE), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Penang Global Tourism (PGT) bagi menyambut hasil kesenian tempatan dan antarabangsa.